

Aplikasi Teknik Fuzzy Delphi dalam Elemen Pembangunan Sosial Remaja Delinkuen di Pusat Pemulihan Akhlak di Malaysia

**Mariam Abd Majid^{1*}, Aisyah Humairak Abdul Rahman¹, Abur Hamdi Usman¹,
Khairani Kaharuddin², Nurzatil Ismah Azizan³, Noraini Mohamad¹,
Noor Hafizah Mohd. Haridi¹, dan Zainab Ismail⁴**

¹Jabatan Dakwah dan Usuluddin, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor, Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor, Malaysia

²Jabatan Pengajian Am, Politeknik Port Dickson, 71050 Port Dickson, Negeri Sembilan, Malaysia

³Jabatan Al-Quran dan Sunnah, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor, Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor, Malaysia

⁴Akademik dan Jaminan Kualiti, Kolej Dar al-Hikmah, 43000 Kajang, Selangor, Malaysia

ABSTRAK

Aspek pembangunan sosial penting diberi penekanan dalam program pengukuhan jati diri remaja delinkuen di pusat pemulihan akhlak. Implikasi ketandusan kemahiran dan nilai sosial ini boleh menyumbang terhadap rasa terasing atau terpinggir bekas pelatih remaja delinkuen yang keluar dari pusat pemulihan akhlak. Artikel ini bertujuan mengenal pasti elemen-elemen yang perlu diberi keutamaan dalam pembangunan sosial remaja delinkuen di pusat pemulihan akhlak serta meneroka kaedah praktikal untuk pelaksanaan elemen-elemen yang telah dikenal pasti dalam program pemulihan sedia ada. Kajian ini menggunakan pendekatan kaedah campuran yang menggabungkan kaedah kualitatif dan kuantitatif melalui aplikasi Fuzzy Delphi, dengan skala likert 7 mata bagi

mencapai kesepakatan pakar secara lebih tepat dan sistematik. Kajian mendapati tiga elemen bagi pembangunan aspek sosial pelatih remaja delinkuen di pusat pemulihan akhlak, iaitu memberi pengiktirafan terhadap khidmat sosial yang diberikan, bimbingan aspek komunikasi (interpersonal) dan melibatkan pelatih remaja dalam khidmat sosial masyarakat, komuniti, masjid dan surau. Ketiga elemen ini mendapat konsensus pakar dengan tahap kesepakatan melebihi 75% peratus, nilai threshold kurang daripada 0.2 ($d < 0.2$) dan nilai a-cut melebihi 0.5. Pelaksanaan program pembangunan elemen sosial terhadap para pelatih remaja delinkuen

ARTICLE INFO

Article history:

Received: 02 December 2024

Accepted: 17 June 2025

Published: 02 December 2025

DOI: <https://doi.org/10.47836/pjssh.33.6.01>

E-mail addresses:

mariam@uis.edu.my (Mariam Abd Majid)

24pi01005@postgrad.uis.edu.my (Aisyah Humairak Abdul Rahman)

aburhamdi@uis.edu.my (Abur Hamdi Usman)

khairani@poliku.edu.my (Khairani Kaharuddin)

nurzatil@uis.edu.my (Nurzatil Ismah Azizan)

norainimohamad@uis.edu.my (Noraini Mohamad)

noorhafizah@uis.edu.my (Noor Hafizah Mohd. Haridi)

zainab@hikmah.edu.my (Zainab Ismail)

*Corresponding author

di pusat pemulihan berupaya meningkatkan keyakinan, motivasi, keupayaan komunikasi dan perasaan diterima dalam masyarakat sekali gus menjayakan usaha perubahan diri mereka ke arah masa hadapan yang lebih baik.

Kata kunci: Aplikasi teknik Fuzzy Delphi, elemen pembangunan sosial, Malaysia, pusat pemulihan akhlak, remaja delinkuen

Application of Fuzzy Delphi Technique on Social Development Elements of Juvenile Delinquents in Moral Rehabilitation Centres in Malaysia

ABSTRACT

Social development aspects are crucial in strengthening the self-identity programmes for juvenile delinquents at moral rehabilitation centres. The lack of social skills and values may contribute to the feeling of alienation or marginalization among former juvenile delinquents after leaving these centres. This article aims to identify the elements that should be prioritised in the social development of juvenile delinquents in moral rehabilitation centres and to explore practical methods for integrating these elements into existing rehabilitation programmes. This study employs a mixed-methods approach, combining qualitative and quantitative methods through the application of the Fuzzy Delphi technique, using a 7-point Likert scale to achieve expert consensus with greater accuracy and systematic precision. The findings identified three key elements for the social development of juvenile delinquents in the rehabilitation centres, recognizing the value of their social contributions, guidance on interpersonal communication skills, and engaging juvenile delinquents in social services within the community, mosques, and suraus. These three elements achieved expert consensus with an agreement level exceeding 75%, a threshold value below 0.2 ($d < 0.2$), and an a-cut value greater than 0.5. Implementing social development programmes for juvenile delinquents in rehabilitation centres can boost their confidence, motivation, communication skills, and sense of acceptance in society, thereby contributing to their personal transformation toward a better future.

Keywords: Fuzzy Delphi technique application, juvenile delinquents, Malaysia, moral rehabilitation centres, social development elements

PENDAHULUAN

Aspek pembinaan sosial merupakan komponen penting dalam pembentukan personaliti dan jati diri individu, khususnya dalam konteks masyarakat moden yang semakin kompleks dan dinamik pada abad ke-21 pada hari ini. Pembinaan sosial

melibatkan proses interaksi individu dengan pelbagai persekitaran sosial, termasuk keluarga, rakan sebaya, institusi pendidikan dan masyarakat secara keseluruhan. Kajian terkini menunjukkan bahawa interaksi sosial yang sihat serta pembelajaran nilai, norma dan budaya melalui hubungan

ini memainkan peranan kritikal dalam perkembangan diri seseorang (Willis & Neblett, 2020). Hasil penyelidikan ini memperkukuhkan pandangan bahawa pembinaan sosial yang kukuh membantu individu memahami peranan mereka dalam masyarakat, meningkatkan kemahiran komunikasi, serta memupuk empati dan toleransi terhadap orang lain (Rios, 2022).

Pembangunan sosial remaja delinkuen di pusat pemulihan akhlak di Malaysia merupakan aspek penting yang perlu dikaji kerana ia memainkan peranan kritikal dalam proses pemulihan dan reintegrasi sosial mereka. Remaja delinkuen terlibat dalam tingkah laku antisosial atau jenayah akibat pengaruh persekitaran negatif, kekurangan bimbingan dan masalah psikososial (Abd Majid et al., 2023). Dengan memahami faktor-faktor yang mempengaruhi pembangunan sosial, program intervensi yang lebih berkesan dapat dirancang bagi mengurangkan risiko pengulangan jenayah selepas mereka keluar dari pusat pemulihan (Nasir, 2023).

Selain itu, krisis identiti dan kekurangan nilai murni yang dihadapi oleh remaja delinkuen (Appalanaidu, 2024) menuntut pendekatan pemulihan yang menekankan pembentukan identiti positif dan penanaman nilai akhlak yang baik. Isu kesejahteraan mental dan emosi juga tidak boleh diabaikan kerana ramai daripada mereka mengalami kemurungan, kegelisahan dan trauma. Justeru, sokongan program pemulihan yang menyeluruh adalah asas kepada pembangunan sosial yang sihat (Rasskazova et al., 2019). Dalam masa yang sama, pengaruh keluarga dan komuniti sangat penting dalam memperkukuh proses

pemulihan, iaitu menerusi hubungan kekeluargaan dan sokongan komuniti yang dapat menjadi pendorong utama perubahan positif (Kurock et al., 2022).

Hasil kajian ini diharapkan dapat memberi input berharga dalam merangka dasar dan polisi sosial yang lebih efektif, memperbaiki sistem pemulihan, serta memperkukuhkan pembangunan modal insan remaja sebagai aset negara pada masa depan (Abd Majid et al., 2025). Pendekatan ini juga selari dengan prinsip keadilan sosial yang menekankan bahawa setiap remaja wajar diberikan peluang kedua untuk memperbaiki diri dan membina kehidupan yang lebih bermakna (Rothchild, 1996). Memahami dan memperbaiki aspek pembangunan sosial remaja delinkuen bukan sahaja memberi manfaat kepada individu tersebut, tetapi turut menyumbang kepada pembentukan masyarakat yang lebih harmoni dan sejahtera.

Sehubungan itu, artikel ini bertujuan mengemukakan elemen-elemen pembangunan sosial yang perlu diberi keutamaan dalam kalangan pelatih remaja di pusat pemulihan akhlak melalui pendekatan kuantitatif menggunakan Teknik Fuzzy Delphi yang diaplikasikan dengan skala Likert tujuh mata bagi mencapai kesepakatan pakar secara sistematik. Penyelidikan ini berhasrat memberikan sumbangan signifikan kepada pemahaman dan pelaksanaan program pemulihan sosial remaja delinkuen di Malaysia.

Secara khusus, kajian ini ingin menjawab persoalan utama iaitu: pertama, apakah elemen-elemen kritikal yang perlu diberi keutamaan dalam pembangunan sosial remaja delinkuen di pusat pemulihan

akhlak; dan kedua, bagaimana elemen-elemen ini dapat diintegrasikan secara praktikal ke dalam program pemulihan sedia ada menggunakan pendekatan berasaskan konsensus pakar.

SOROTAN LITERATUR

Pembangunan aspek sosial dalam kalangan remaja delinkuen menjadi keutamaan dalam usaha pemulihan mereka kerana berperanan penting dalam membentuk keupayaan menyesuaikan diri dalam masyarakat.

Aspek pengiktirafan atas khidmat sosial yang diberikan kepada remaja delinkuen turut menjadi faktor penting dalam pembinaan identiti diri dan pemulihan sosial. Aktiviti sosial terarah seperti latihan kepimpinan, penyertaan dalam program kemahiran hidup, dan penglibatan dalam projek komuniti terbukti signifikan bagi meningkatkan harga diri, motivasi, serta perasaan dihargai dalam kalangan remaja berisiko (Schaeffer et al., 2014; Weiss et al., 2013). Schaeffer et al. (2014) melalui kajian terhadap program vokasional untuk pesalah juvana menunjukkan penyertaan aktif dalam aktiviti bermakna memberi peluang kepada remaja membina keyakinan diri dan memperkukuh jati diri mereka. Hal ini diperkukuhkan lagi oleh Weiss et al. (2013) dalam kajian mengenai terapi multisistemik yang mendapati bahawa penglibatan dalam aktiviti kemasyarakatan membantu membentuk identiti positif dan mengukuhkan rasa tanggungjawab sosial dalam kalangan remaja.

Sebaliknya, ketiadaan pengiktirafan terhadap usaha dan sumbangan remaja

dalam khidmat sosial boleh membawa kepada kehilangan identiti dan nilai positif (Meeus, 2018; Petrova et al., 2023). Meeus (2018) melalui kajian longitudinalnya menyatakan bahawa remaja yang tidak mendapat pengiktirafan dalam pembangunan sosial lebih cenderung mengalami kekeliruan identiti serta terdedah kepada nilai-nilai negatif. Kajian Eccles dan Gootman (2002) mengukuhkan pandangan ini dengan menekankan bahawa pembangunan belia yang berkesan perlu berfokus kepada pembinaan identiti positif melalui penghargaan dan sokongan sosial. Oleh itu, dalam konteks pemulihan akhlak di Malaysia, pengiktirafan terhadap sumbangan sosial remaja perlu dirangka sebagai elemen strategik dalam program pembangunan sosial bertujuan memastikan proses integrasi semula mereka ke dalam masyarakat berjalan dengan lebih berkesan.

Komponen bimbingan aspek komunikasi remaja (interpersonal) dikenal pasti sebagai asas penting dalam membangunkan keupayaan remaja untuk membina hubungan sosial yang sihat, menyesuaikan diri dalam masyarakat, dan mengurus cabaran emosi dengan lebih berkesan. Sejajar dengan kajian Abdul Manan et al. (2013) menegaskan bahawa program pembinaan sosial yang berfokus kepada peningkatan kemahiran interpersonal, seperti terapi kelompok dan latihan peranan, mampu meningkatkan keupayaan individu berinteraksi secara lebih berkesan, seterusnya mengurangkan tingkah laku agresif dan meningkatkan kerjasama dalam kumpulan. Kajian Su et al. (2021) dan Murad et al. (2020) pula

menunjukkan bahawa kekurangan peluang untuk mengembangkan kemahiran sosial-emosional melalui program berstruktur menyebabkan peningkatan masalah tingkah laku dan kesukaran dalam membina hubungan interpersonal yang positif dalam kalangan remaja.

Menurut Domitrovich et al. (2017), program pembinaan sosial yang menyeluruh mampu meningkatkan regulasi emosi dan empati remaja, sekali gus memperkukuhkan asas kepada interaksi sosial yang sihat. Latihan komunikasi berkesan, termasuk komunikasi verbal dan bukan verbal, mendengar aktif, serta teknik penyampaian diri seperti yang disarankan oleh Kamarudin et al. (2020) menjadi kunci kepada pembentukan hubungan positif dengan rakan sebaya dan orang dewasa. Tambahan pula, kemahiran menyelesaikan konflik secara konstruktif, seperti pengantaraan dan rundingan, terbukti mengurangkan penggunaan kekerasan dalam penyelesaian perselisihan (Asalal & Abd Wahab, 2019). Kajian Wan Ismail et al. (2022) mendapati bahawa latihan empati meningkatkan keupayaan remaja memahami dan berkongsi perasaan orang lain, manakala kemahiran kerjasama melalui projek komuniti atau sukatan berkumpulan membantu membina kemahiran sosial yang kukuh (Abd Majid et al., 2021). Bimbingan yang sistematik terhadap aspek komunikasi interpersonal menjadi asas kepada pembinaan jati diri remaja dan keberhasilan integrasi sosial mereka dalam masyarakat.

Penglibatan aktif remaja dalam khidmat sosial, masyarakat, komuniti, serta aktiviti

masjid dan surau merupakan komponen penting dalam pembangunan sosial dan pemulihan akhlak mereka. Menurut teori pembelajaran sosial Bandura dan Adams (1977), pembentukan tingkah laku positif dapat dicapai melalui pemerhatian dan peniruan model sosial yang sesuai. Kajian De Vries et al. (2015) dan Mathys (2017) mendapati pendekatan pembelajaran sosial melalui penglibatan aktif dalam aktiviti komuniti berjaya mengurangkan tingkah laku antisosial dan meningkatkan penyesuaian sosial dalam kalangan remaja berisiko. Sebaliknya, ketiadaan pendedahan kepada interaksi sosial yang positif meningkatkan risiko pengasingan sosial dan tingkah laku delinkuen (Farrington et al., 2017; Kirman, 2021).

Program seperti penjelajahan lasak yang diperkenalkan oleh Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia menggabungkan cabaran fizikal dengan pembelajaran sosial dan emosi. Kajian Noh dan Zahid (2021) mendapati penyertaan dalam aktiviti seperti mendaki bukit, latihan kepimpinan dan kerja berpasukan membantu meningkatkan ketahanan mental, kemahiran komunikasi, serta kemahiran menyelesaikan konflik dalam kalangan remaja. Selari dengan kajian oleh Yaccob et al. (2020) dan Ibrahim et al. (2020) yang mendapati pendedahan kepada alam semula jadi dan projek komuniti membentuk kesedaran alam sekitar, tanggungjawab sosial dan kerja berpasukan dalam kalangan peserta.

Di samping itu, kajian oleh Sudi et al. (2021) mengukuhkan bahawa program kerohanian yang melibatkan aktiviti masjid

dan surau seperti solat berjemaah, kelas agama dan aktiviti kebajikan memberi kesan positif dalam membina nilai moral, etika dan tanggungjawab sosial remaja. Oleh itu, pendekatan pembangunan sosial yang melibatkan remaja dalam aktiviti khidmat komuniti, projek sosial, dan aktiviti keagamaan sangat penting dalam memperkukuhkan integrasi sosial dan membina jati diri yang kukuh, selaras dengan matlamat pemulihan akhlak remaja di pusat-pusat pemulihan.

Sorotan literatur kajian lepas ini mengemukakan bahawa elemen pengiktirafan sosial, bimbingan komunikasi interpersonal dan penglibatan komuniti mempengaruhi keberkesanan pembangunan sosial remaja delinkuen. Walaupun pelbagai bentuk program intervensi telah diperkenalkan dalam konteks global dan tempatan, kajian ini mendapati keperluan untuk membangunkan model bahi pembangunan sosial yang holistik dan adaptif dalam konteks institusi pemulihan akhlak di Malaysia.

Menerusi pendekatan kaedah Fuzzy Delphi, kajian ini mengenal pasti elemen-elemen penting bagi pembangunan sosial sekali gus memastikan intervensi yang dibangunkan bersifat relevan, praktikal dan efektif.

METODOLOGI

Kajian ini mengaplikasikan Kaedah Fuzzy Delphi (FDM) untuk mengenal pasti elemen pembangunan sosial remaja delinkuen di Malaysia. FDM, berasaskan Teori Set Fuzzy oleh Zadeh (1996) dan

dikembangkan oleh Murray et al. (1985), dipilih kerana keupayaannya menghasilkan konsensus pakar terhadap elemen aspek sosial dalam program pemulihan akhlak remaja delinkuen. Pendekatan ini sesuai untuk pembangunan sosial yang kompleks, melibatkan nilai budaya dan emosi yang tidak mudah diukur secara konvensional.

Penggunaan FDM dalam kajian ini diperkukuhkan oleh keberkesanan penggunaannya dalam program pemulihan remaja antarabangsa, termasuk di Amerika Syarikat, Estonia, dan Iran (Hosseini et al., 2022; Stewart & Leps, 2017; Whittaker & Pecora, 1981). Pendekatan ini memastikan dapatan yang lebih tepat berasaskan konsensus pakar dan disesuaikan dengan konteks tempatan.

Sampel Kajian

Pemilihan sampel kajian menggunakan pendekatan persampelan bertujuan, selaras dengan saranan Hasson et al. (2000) untuk kajian FDM. Walaupun terdapat perbezaan pendapat mengenai saiz sampel ideal Phillips (2000) mencadangkan 7-12 pakar, Delbecq dan Yuster (1975), dan Adler dan Ziglio (1996) menyarankan 10-15 pakar, manakala Clayton (1997) mencadangkan 5-10 pakar dengan latar belakang pelbagai. Kajian ini melibatkan 10 pakar dari pelbagai bidang berkaitan seperti pembangunan sahsiah, akhlak, psikologi remaja, dan pemulihan remaja delinkuen. Profil demografi pakar direkodkan melalui Bahagian A soal selidik dan diringkaskan dalam Jadual 1 untuk rujukan.

Jadual 1
Maklumat demografi pakar

Pakar	Jawatan	Institusi	Bidang Kepakaran
P1	Doktor Perubatan	Akademi Dr Har Alam Damai, Cheras Kuala Lumpur	Pembangunan Sahsiah
P2	Ahli Akademik	Jabatan Kluster Pendidikan dan Sains Sosial Open University Malaysia	Pembangunan Akhlak dan Remaja Delinkuen
P3	Pegawai	Bahagian Penguatkuasaan & Inspektorat Kementerian Pengajian Tinggi	Psikologi Remaja
P4	Ahli Akademik	Jabatan Dakwah dan Usuluddin Universiti Islam Selangor	Pembangunan Spiritual
P5	Ahli Akademik	Jabatan Dakwah dan Usuluddin Universiti Islam Selangor	Pembangunan Spiritual
P6	Mantan Pegawai Al Riqab Majlis Agama Islam	Majlis Agama Islam Selangor (MAIS)	Pelaksanaan Pemulihan Remaja
P7	Pengasas	Pusat Bimbingan Raudhatus Sakinah	Pelaksanaan Pemulihan Remaja
P8	Pegawai Psikologi	Sekolah Henry Gurney Telok Mas, Melaka	Psikologi Remaja
P9	Pengasas	Pusat Perlindungan dan Bimbingan Darul Wardah	Pelaksanaan Pemulihan Remaja
P10	Pengasas	Tarbiyyatul A'la Centre	Pelaksanaan Pemulihan Remaja

Pembangunan Instrumen

Instrumen soal selidik FDM dibangunkan berdasarkan sorotan literatur berkaitan pembangunan sosial remaja serta hasil temubual awal fasa analisis keperluan. Pembangunan awal ini merujuk kepada model Skulmoski et al. (2007), dan diperhalusi melalui semakan kandungan oleh pakar untuk memastikan kesahan dan kebolehpercayaan. Soal selidik menggunakan Skala Likert tujuh mata yang kemudiannya ditukarkan kepada nombor Fuzzy menggunakan prinsip Pernomboran Segitiga Fuzzy (Triangular

Fuzzy Numbers) seperti disarankan oleh Jamil dan Noh (2020). Dalam konteks ini, setiap nilai Fuzzy diwakili oleh tiga komponen: m1 (nilai minimum), m2 (nilai paling munasabah), dan m3 (nilai maksimum). Perwakilan ini sering dinyatakan dalam format (m1, m2, m3). Jadual 2 di bawah juga menunjukkan aras persetujuan dan nilai skala fuzzy.

- i. $A_{max} = 1/3 * (m1 + m2 + m3)$
- ii. $A_{max} = 1/4 * (m1 + 2m2 + m3)$
- iii. $A_{max} = 1/6 * (m1 + 4m2 + m3)$

Jadual 2
Aras persetujuan dan nilai skala Fuzzy

Aras persetujuan	Skala Fuzzy	Skala Likert
Teramat Tidak Sesuai	(0.0, 0.0, 0.1)	1
Sangat Tidak Sesuai	(0.0, 0.1, 0.3)	2
Tidak Sesuai	(0.1, 0.3, 0.5)	3
Sederhana Sesuai	(0.3, 0.5, 0.7)	4
Sesuai	(0.5, 0.7, 0.9)	5
Sangat Sesuai	(0.7, 0.9, 1.0)	6
Teramat Sesuai	(0.9, 1.0, 1.0)	7

Sumber: Mohd Jamil (2016)

Proses Pengumpulan dan Analisis Data

Pengumpulan data dilakukan melalui edaran soal selidik kepada pakar dalam sesi bengkel khas. Respon pakar dianalisis dalam beberapa langkah:

1. Pengiraan threshold (d): Nilai d dikira menggunakan formula Chen (2000) dan konsensus dicapai apabila $d \leq 0.2$.
$$d(m, n) = \sqrt{1/3[(m1-n1)^2 + (m2-n2)^2 + (m3-n3)^2]}$$
2. Penentuan konsensus: Sekurang-kurangnya 75% persetujuan diperlukan, mengikut standard Chu dan Hwang (2008) serta Murry dan Hammons (1995).
3. Defuzzifikasi: Skor purata Fuzzy dikira menggunakan pendekatan α -cut ≥ 0.5 (Bodjanova, 2006).
4. Pemeringkatan elemen: Berdasarkan nilai Fuzzy tertinggi, elemen diklasifikasikan mengikut tahap keutamaan.

Pakar diminta memberikan pandangan mereka terhadap setiap item dalam instrumen

kajian. Data yang dikumpul melalui Skala Likert kemudiannya diproses menggunakan perisian Microsoft Excel, mengaplikasikan prinsip-prinsip kaedah Fuzzy Delphi (FDM) untuk analisis lanjut.

Justifikasi Penggunaan Fuzzy Delphi

Pemilihan kaedah Fuzzy Delphi dalam kajian ini berasaskan keupayaannya untuk menentukan elemen-elemen utama dalam pembangunan sosial remaja delinkuen. Kajian luar negara turut membuktikan keberkesanan kaedah ini dalam memastikan pemilihan elemen dalam pembangunan aspek sosial remaja yang lebih berfokus seperti kemahiran sosial, kesejahteraan mental dan sokongan keluarga (Bouffard et al., 2000; Burns et al., 2000; Prilleltensky & Nelson, 2000). Dalam konteks Malaysia, penggunaan kaedah FDM dalam kajian ini membolehkan penghasilan dapatan yang relevan dengan nilai budaya tempatan, sekali gus memperkukuhkan amalan pemulihan remaja delinkuen secara lebih holistik dan bersepadu di pusat pemulihan akhlak.

DAPATAN

Dapatan ini mengemukakan elemen-elemen pembangunan sosial remaja delinkuen di Malaysia yang dinilai oleh kumpulan pakar dalam fasa reka bentuk. Jadual 3 berikut adalah keputusan penilaian pakar terhadap semua elemen pembangunan sosial remaja delinkuen di Malaysia.

Jadual 3
Elemen pembangunan sosial remaja delinkuen di Malaysia

ELEMEN PEMBANGUNAN SOSIAL	
a.	Penglibatan Remaja Dalam Khidmat Sosial Masyarakat/ Komuniti/ Masjid/ Surau
b.	Memberi Pengiktirafan Atas Khidmat Sosial Yang Diberikan
c.	Bimbingan Aspek Komunikasi Remaja (Interpersonal)

Analisis menggunakan kaedah Fuzzy Delphi (FDM) mengesahkan konsensus pakar terhadap tiga elemen utama pembangunan sosial remaja delinkuen di Malaysia. Elemen-elemen ini merangkumi: 1) penglibatan remaja dalam khidmat sosial masyarakat, komuniti, masjid dan surau; 2) pengiktirafan terhadap khidmat sosial yang diberikan; dan 3) bimbingan aspek komunikasi remaja (interpersonal). Jadual 4 memaparkan indikator konsensus pakar untuk setiap elemen ini, menunjukkan persetujuan kolektif terhadap kepentingan dan kesesuaian elemen-elemen tersebut dalam konteks pembangunan sosial remaja delinkuen.

Jadual 4 menunjukkan semua elemen pembangunan sosial remaja delinkuen di Malaysia memenuhi kriteria penerimaan

yang ditetapkan. Kriteria ini merangkumi nilai threshold (d) yang tidak melebihi 0.2 dan konsensus pakar melebihi 75%. Proses *defuzzification* telah digunakan untuk menentukan kedudukan keutamaan elemen-elemen tersebut berdasarkan nilai skor fuzzy. Kesahan elemen-elemen ini diperkukuhkan lagi dengan nilai a-cut melebihi 0.5. Data diperolehi menunjukkan semua elemen mendapat kesepakatan pakar sekali gus menunjukkan kesahan elemen pembangunan sosial remaja delinkuen di Malaysia.

Konsensus pakar terhadap kesemua elemen pembangunan sosial remaja delinkuen di Malaysia membuktikan kepentingan elemen dalam pembangunan sosial remaja delinkuen di Malaysia. Kajian ini menunjukkan keperluan terhadap usaha pembangunan sosial remaja delinkuen menerusi penglibatan remaja dalam khidmat sosial masyarakat/ komuniti/ masjid/ surau, memberi pengiktirafan atas khidmat sosial yang diberikan serta bimbingan aspek komunikasi remaja (interpersonal). Jadual 5 berikutnya menunjukkan turutan kedudukan aliran keutamaan elemen bagi pembangunan sosial remaja delinkuen di Malaysia.

PERBINCANGAN

Memberi Pengiktirafan atas Khidmat Sosial yang Diberikan

Hasil dapatan kajian ini menunjukkan bahawa elemen utama dalam program pembangunan sosial remaja delinkuen di pusat pemulihan akhlak adalah dengan memberi pengiktirafan atas khidmat sosial yang diberikan. Dapatan ini sejajar dengan

Jadual 4
Analisis kaedah FDM konsensus pakar terhadap pembangunan sosial remaja delinkuen di Malaysia

Bil	Item / Elemen	Syarat Triangular Fuzzy Numbers			Syarat Fuzzy Evaluation Process			Kesepakatan Pakar	Elemen DITERIMA	Aliran/ Keutamaan
		Nilai Threshold,	Peratus Kesepakatan Kumpulan Pakar, %	m1	m2	m3	Skor Fuzzy (A)			
1	Memberi pengiktirafan atas khidmat sosial yang diberikan	0.049	100.0%	0.860	0.980	1.000	0.947	TERIMA	0.947	1
2	Bimbingan aspek komunikasi remaja (interpersonal)	0.049	100.0%	0.860	0.980	1.000	0.947	TERIMA	0.947	
3	Penglibatan remaja dalam khidmat sosial/ masyarakat/ komuniti/ masjid/ surau	0.098	90.0%	0.820	0.950	0.990	0.920	TERIMA	0.920	2

Jadual 5
Analisis kaedah FDM konsensus pakar terhadap pembangunan sosial remaja delinkuen di Malaysia

Bil	Item / Elemen	Kesepakatan Pakar	Elemen DITERIMA	Aliran/ Keutamaan
1	Memberi pengiktirafan atas khidmat sosial yang diberikan	TERIMA	0.947	1
2	Bimbingan aspek komunikasi remaja (interpersonal)	TERIMA	0.947	
3	Penglibatan remaja dalam khidmat sosial/ masyarakat/ komuniti/ masjid/ surau	TERIMA	0.920	2

kajian oleh Yaccob et al. (2020) yang mengkaji tahap kesepaduan sosial dalam kalangan belia Malaysia melalui penyertaan dalam Program Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda (ARP). Kajian tersebut mendapati bahawa penglibatan remaja dalam komponen ARP seperti khidmat masyarakat, penjelajahan lasak, rekreasi fizikal, dan program kemahiran bukan sahaja mengukuhkan interaksi sosial dan membina nilai-nilai murni dalam diri remaja, malah pengiktirafan formal yang diberikan melalui penganugerahan sijil dan penghormatan sosial berfungsi sebagai motivasi utama kepada peserta untuk terus terlibat dalam aktiviti-aktiviti pembangunan sosial.

Pengiktirafan yang diterima dalam program ARP bertindak sebagai insentif sosial yang meningkatkan rasa harga diri, komitmen terhadap komuniti dan dorongan intrinsik untuk kekal aktif dalam aktiviti sosial. Ini membuktikan bahawa penghargaan dan pengiktirafan sosial bukan sekadar simbolik, tetapi memainkan peranan penting dalam memperkukuhkan kesepaduan sosial dan mendorong perubahan tingkah laku remaja secara positif. Dengan kata lain, melalui pengalaman diberi penghargaan atas sumbangan sosial mereka, remaja berasa dihargai dan diiktiraf oleh komuniti, seterusnya mempercepatkan proses pembangunan identiti positif dan integrasi sosial mereka.

Selain itu, dalam konteks antarabangsa, kajian Prilleltensky dan Nelson (2000) di United Kingdom turut menekankan bahawa aspek pengiktirafan sosial terhadap remaja melalui kemahiran sosial, sokongan

keluarga, dan intervensi psikososial adalah faktor penting dalam membina kesejahteraan sosial remaja. Di Amerika Syarikat pula, Bouffard et al. (2000) menunjukkan bahawa pendidikan, latihan vokasional, dan kaunseling mental memainkan peranan penting dalam intervensi sosial belia. Ini membuktikan bahawa pendekatan memberi pengiktirafan sosial terhadap usaha pembangunan remaja mempunyai asas teori dan empirikal yang kukuh merentas pelbagai budaya dan konteks antarabangsa.

Pendekatan yang menekankan penghargaan sosial ini secara langsung membantu membentuk generasi belia yang lebih berdaya tahan, bermotivasi tinggi dan berkemahiran sosial. Ini juga menunjukkan bahawa elemen pengiktirafan sosial bukan sahaja relevan di peringkat tempatan, tetapi telah diakui keberkesanannya di peringkat global dalam memperkukuh pembangunan sosial remaja secara holistik.

Bimbingan Aspek Komunikasi Remaja

Dapatan kajian turut menunjukkan bahawa bimbingan aspek komunikasi interpersonal juga merupakan elemen penting dalam pembangunan sosial remaja delinkuen di pusat pemulihan akhlak. Panel pakar sependapat bahawa kekurangan kemahiran komunikasi menjadi antara penyumbang utama kepada kegagalan remaja menjalin hubungan sosial yang sihat, sekali gus mendorong kepada salah laku sosial. Kemahiran seperti mendengar aktif, penyampaian mesej yang jelas, dan keupayaan mengurus emosi dalam interaksi sosial dikenalpasti sebagai antara

bentuk bimbingan yang diperlukan. Justeru, pelaksanaan latihan komunikasi secara berstruktur adalah perlu bagi membentuk remaja yang mampu menyesuaikan diri dalam masyarakat pasca pemulihan.

Pembentukan komunikasi interpersonal yang positif tidak boleh dipisahkan daripada pengaruh persekitaran. Imam al-Ghazali telah menegaskan bahawa akhlak yang baik dapat dibentuk melalui pergaulan dengan individu yang soleh, kerana nilai dan amalan baik akan diserap melalui interaksi sosial yang konsisten (Umaruddin, 2003). Teori Pembelajaran Sosial oleh Bandura dan Adams (1977) turut menyokong pandangan ini dengan menjelaskan bahawa tingkah laku manusia terbentuk hasil interaksi antara individu, persekitaran dan pengalaman lalu. Oleh itu, komunikasi bukan sekadar kemahiran teknikal, tetapi berkait rapat dengan pendedahan kepada persekitaran yang membina. Ini mengukuhkan dapatan kajian bahawa komunikasi interpersonal perlu dibentuk melalui pendekatan menyeluruh termasuk latihan, contoh sosial yang baik dan struktur sokongan sosial.

Berbeza dengan pendekatan di negara-negara Skandinavia yang lebih menekankan kesamarataan sosial (Lappi-Seppälä, 2008) atau pendekatan di Amerika Syarikat yang berasaskan kebebasan individu dan tanggungjawab peribadi (Feld, 2018), pembangunan sosial di Malaysia perlu mengambil kira nilai agama dan budaya kekeluargaan yang menjadi asas kepada struktur sosial tempatan. Kajian Ismail et al. (2019) mengesahkan bahawa ketiadaan komitmen sosial dan lemahnya hubungan

interpersonal dalam kalangan remaja Malaysia mendorong mereka ke arah salah laku sosial, khususnya dalam masyarakat majmuk yang kompleks. Maka, pengukuhan bimbingan komunikasi interpersonal dilihat sebagai penyelesaian proaktif dalam mendidik remaja membina jaringan sosial yang stabil.

Beberapa kajian turut menunjukkan bahawa pendekatan sokongan rakan sebaya dan terapi berkumpulan dapat membentuk kemahiran komunikasi secara efektif. O'Connor dan Waddell (2015) serta Lipsey et al. (2010) membuktikan bahawa remaja yang mengikuti sesi terapi kelompok menunjukkan peningkatan tingkah laku positif yang signifikan. Pendekatan ini memberikan ruang kepada remaja untuk berkongsi pengalaman, membina empati, serta belajar mengurus konflik sosial secara konstruktif. Weiss et al. (2013) dan Huey and Polo (2008) turut menunjukkan bahawa program berkumpulan mampu mengurangkan tingkah laku antisosial dan membina daya tindak sosial yang lebih sihat dalam kalangan remaja bermasalah.

Dari sudut teori komunikasi, Lasswell (1948) menegaskan bahawa proses komunikasi melibatkan elemen-elemen penting seperti sumber, mesej, medium, penerima dan kesan. Kegagalan dalam mana-mana komponen ini akan melemahkan keseluruhan komunikasi, dan seterusnya menjejaskan hubungan interpersonal. Oleh itu, kemahiran komunikasi bukan sekadar kemampuan untuk bercakap, tetapi satu rangkaian kompleks yang memerlukan latihan berterusan agar remaja dapat

memahami dan memberi respons dengan cara yang tepat dalam pelbagai situasi sosial.

Dalam konteks pendidikan kerja sosial, Kamarudin et al. (2020) menunjukkan bahawa kemahiran komunikasi interpersonal merupakan kompetensi asas bagi mahasiswa kerja sosial, yang akan berinteraksi dengan pelbagai latar belakang komuniti. Hartley (1993) pula mendefinisikan komunikasi interpersonal sebagai interaksi dinamik dua hala, melibatkan persepsi, nilai dan ekspresi emosi yang saling dipengaruhi. Lefevre (2017) menambah bahawa kegagalan menguasai kemahiran ini akan mengurangkan keberkesanan intervensi sosial, khususnya dalam kalangan kumpulan rentan seperti kanak-kanak dan remaja.

Kesimpulannya, dapatan ini membuktikan bahawa bimbingan komunikasi interpersonal bukan sekadar perlu diselitkan secara sampingan, tetapi harus menjadi komponen utama dalam modul pembangunan sosial remaja delinkuen. Melalui pendedahan yang sistematik, terancang dan berasaskan pengalaman kumpulan, pelatih remaja bukan sahaja dapat meningkatkan keberkesanan interaksi sosial mereka, malah dapat membina semula jati diri dan keyakinan untuk berfungsi dalam masyarakat secara lebih positif.

Penglibatan Remaja dalam Khidmat Sosial, Masyarakat, Komuniti dan Masjid/Surau

Penglibatan remaja dalam khidmat sosial, masyarakat, komuniti, masjid atau surau merupakan elemen kedua dalam turutan kedudukan keutamaan. Ulwan (2011)

berpandangan bahawa masjid adalah berfungsi sebagai pusat pendidikan rohani yang memiliki hierarki pertama dan utama dalam Islam. Beliau juga mengungkapkan bahawa “di antara faktor yang berpengaruh dalam pembentukan peribadi anak-anak adalah dari segi spiritual, intelektual mahupun fizik iaitu adalah di rumah, masjid dan sekolah” (hlm. 17). Ayat ini menjelaskan untuk membentuk dan melahirkan anak-anak yang sempurna peribadinya dari sudut spiritual, fizikal dan akal memerlukan kerjasama salah satunya rumah (ibu bapa), masjid dan sekolah.

Kajian menunjukkan bahawa program pemulihan yang menekankan pembinaan sosial melalui pendekatan berasaskan komuniti dapat membawa perubahan tingkah laku yang positif dalam kalangan pelatih. Program seperti terapi kelompok, sokongan rakan sebaya, dan sesi pembelajaran sosial yang melibatkan interaksi antara pelatih dan kakitangan pemulihan didapati berkesan dalam membantu pelatih mengubah tingkah laku negatif kepada tingkah laku yang lebih pro-sosial (Su et al., 2021). Pengalaman berkongsi cerita dan cabaran dalam kumpulan boleh meningkatkan kesedaran diri dan empati, yang penting untuk proses pemulihan.

Golongan remaja terutama yang terjebak dengan salah laku delinkuen perlu diberikan perhatian dalam usaha mendidik dan membimbing mereka dalam mencapai keredaan dan keberkatan Allah SWT. Usaha murni pihak pusat pemulihan untuk mendekatkan diri remaja dengan aktiviti kemasyarakatan adalah sangat baik dan

perlu diteruskan. Sebagai contoh, aktiviti gotong-royong membersihkan kawasan masjid dapat memupuk semangat dan kecintaan kepada rumah Allah SWT sekali gus secara tidak langsung membuatkan diri mereka sedar bahawa satu-satunya tempat yang paling indah dan dapat menenangkan jiwa daripada keserabutan tentang hal-hal duniawi apabila beribadat di rumah Allah SWT.

Kajian Tunggak et al. (2015) menekankan kepentingan penglibatan aktif remaja dalam aktiviti kokurikulum seperti program rakan muda, gerakan belia, dan kelab rekreasi sebagai platform awal pembinaan sahsiah dan kepimpinan. Mereka berpendapat bahawa penyertaan dalam aktiviti sukan dan lasak bukan sahaja meningkatkan kecergasan fizikal dan mental remaja, tetapi juga membantu mengalihkan perhatian mereka daripada aktiviti negatif seperti melepak dan hiburan berlebihan. Selari dengan pandangan ini, Ibrahim et al. (2020) mendapati bahawa program intervensi pemulihan berkesan dalam

membantu pemulihan fizikal dan mental remaja delinkuen. Dapatan ini membuktikan keperluan untuk membangunkan tingkah laku positif remaja delinkuen melalui penglibatan dalam aktiviti dan program sosial kemasyarakatan.

Penglibatan komuniti ini membuktikan bahawa pembangunan sosial remaja delinkuen tidak hanya harus bersifat intrapersonal melalui bimbingan dalaman, tetapi juga perlu diperluaskan kepada hubungan interpersonal dan sosial yang lebih inklusif. Oleh itu, walaupun elemen ini berada pada kedudukan keutamaan ketiga, ianya tetap kritikal dalam menyokong kesinambungan proses pemulihan dan integrasi sosial remaja ke dalam arus perdana masyarakat.

Rajah 1 yang dirujuk menggambarkan hubungan antara kuasa memandu (*driving power*) dan kuasa pergantungan (*dependence power*) terhadap elemen-elemen utama pembangunan sosial remaja delinkuen di pusat pemulihan akhlak. Analisis menggunakan *Fuzzy Delphi* (FDM)



Rajah 1. Pembangunan sosial remaja delinkuen di pusat pemulihan akhlak

menunjukkan bahawa sub-elemen *memberi pengiktirafan atas khidmat sosial yang diberikan dan bimbingan aspek komunikasi remaja (interpersonal)* merupakan komponen paling kritikal yang perlu diberi keutamaan oleh pihak pengurusan pusat pemulihan. Elemen-elemen ini diikuti oleh *penglibatan remaja dalam khidmat sosial, masyarakat, komuniti, masjid atau surau* sebagai komponen pelengkap dalam hierarki kepentingan program pembangunan sosial remaja delinkuen.

Dapatan kajian ini menunjukkan penekanan aspek pembangunan elemen sosial dalam pemulihan remaja delinkuen di Malaysia menerusi integrasi nilai-nilai murni dan kemahiran sosial secara lebih holistik berpotensi besar untuk diterapkan dalam dasar dan amalan sebenar. Ini termasuklah latihan kakitangan, penglibatan keluarga dan program sokongan komuniti. Di negara Norway dan Sweden, program pemulihan remaja delinkuen juga menekankan pendekatan holistik yang melibatkan keluarga dan komuniti. Program pemulihan di Norway menggunakan model "wrap-around" yang menyediakan sokongan menyeluruh termasuk kaunseling, pendidikan dan latihan vokasional (Burns et al., 2000).

Peningkatan kes kenakalan juvana dalam beberapa tahun kebelakangan ini mendorong keperluan untuk membina dasar berasaskan bukti yang lebih kukuh. Kajian Zhao (2020) membuktikan bahawa perubahan dasar yang efektif bergantung kepada penumpuan masalah sosial, tekanan politik dan bukti penyelidikan. Dalam

konteks ini, dapatan kajian ini boleh menjadi asas bagi penggubalan dasar baharu atau penambahbaikan dasar sedia ada, dengan menekankan elemen pembangunan sosial seperti kemahiran sosial, nilai murni, sokongan keluarga dan kesejahteraan mental.

Selain itu, dapatan ini boleh dimanfaatkan untuk membangunkan program pemulihan yang lebih holistik di pusat-pusat pemulihan akhlak, dengan reka bentuk modul yang merangkumi kemahiran sosial, sokongan emosi, dan aktiviti keluarga. Latihan kakitangan berkaitan teknik kaunseling, pengurusan konflik, dan pendekatan pembangunan sosial perlu diperhebatkan untuk melaksanakan modul-modul ini dengan berkesan. Penglibatan keluarga dan komuniti dalam proses pemulihan juga sangat penting, sebagaimana ditegaskan oleh Thorpe et al. (2024) dan Martinez dan Abrams (2013), melalui kaunseling keluarga, bengkel keibubapaan, serta aktiviti komuniti yang bertujuan membina semula hubungan positif remaja dengan persekitaran sosial mereka.

Dari segi pemantauan, sistem penilaian berterusan perlu diwujudkan bagi menilai keberkesanan program melalui indikator seperti perkembangan kemahiran sosial, kesejahteraan mental, dan kekuatan hubungan keluarga (Bank et al., 1991; Greenwood, 2008). Penilaian ini penting untuk membolehkan penambahbaikan program secara berterusan. Seterusnya, kerjasama antara agensi kerajaan, sektor pendidikan, NGO, dan pihak swasta perlu diperkukuhkan untuk memastikan sumber

dan kepakaran dapat digabungkan bagi melaksanakan program pemulihan secara lebih efektif (Belenko & Logan, 2003).

Dapatan kajian ini juga membuka peluang untuk diterokai melalui penyelidikan dan pembangunan (R&D) lanjutan, termasuk kajian kes, kajian longitudinal, dan perbandingan antarabangsa bagi memperkayakan pendekatan inovatif dalam pemulihan remaja, seperti penggunaan teknologi, terapi seni, dan model holistik. Kempen kesedaran awam yang berasaskan dapatan ini boleh dilancarkan bagi meningkatkan pemahaman masyarakat tentang kepentingan pembangunan sosial dalam pemulihan delinkuen, melalui platform seperti ceramah, bengkel komuniti dan media sosial (Roberts, 2004).

Secara keseluruhannya, penerapan dapatan kajian ini ke dalam dasar dan amalan berupaya memperkasa program pemulihan akhlak di Malaysia, menjadikannya lebih efektif, holistik dan berpusatkan pembangunan insan. Ini seterusnya membantu remaja delinkuen untuk pulih sepenuhnya dan berintegrasi kembali ke dalam masyarakat sebagai individu yang produktif, bermoral, dan berdaya saing.

KESIMPULAN

Kajian ini menekankan kepentingan pembangunan aspek sosial dalam membentuk jati diri pelatih remaja delinkuen di pusat pemulihan akhlak. Tiga elemen utama yang dikenal pasti iaitu pengiktirafan terhadap sumbangan remaja dalam khidmat sosial, bimbingan kemahiran komunikasi interpersonal, serta

penglibatan aktif dalam aktiviti komuniti dan keagamaan telah dibuktikan berpotensi besar dalam meningkatkan keyakinan diri, memperkukuh keupayaan komunikasi, dan memperkasa hubungan sosial remaja. Pelaksanaan elemen-elemen ini dapat memudahkan proses reintegrasi remaja ke dalam masyarakat, sekali gus mengurangkan risiko pengulangan salah laku.

Dapatan kajian ini memberikan implikasi penting kepada pelbagai pihak. Program pemulihan berfokuskan pembangunan sosial berupaya membina identiti positif, kestabilan emosi, dan meningkatkan kualiti hubungan sosial remaja delinkuen. Pihak pengurusan pusat pemulihan boleh memperkasa program sedia ada melalui perancangan intervensi yang lebih berasaskan bukti, sejajar dengan elemen yang dikenal pasti sebagai kritikal. Selain itu, dapatan ini membantu memperjelas peranan keluarga sebagai sumber sokongan utama dalam proses pemulihan, dan mendorong komuniti untuk lebih aktif dalam usaha membina persekitaran sosial yang kondusif kepada remaja yang dipulihkan.

Dalam konteks dasar awam, hasil kajian ini menyediakan asas kukuh bagi pembentukan dasar berorientasikan pembangunan sosial remaja, bukan sahaja mengurangkan kadar salah laku delinkuen, malah menyumbang kepada kesejahteraan sosial dan ekonomi negara. Penerapan aspek pembangunan elemen sosial ini berpotensi mewujudkan masyarakat yang lebih harmoni, aman, dan berdaya tahan, melalui pemerikasaan modal insan muda yang produktif.

Kajian ini memberikan sumbangan yang signifikan kepada pembinaan kerangka konseptual dalam bidang pembangunan sosial remaja delinkuen, khususnya dalam konteks Malaysia. Melalui pendekatan kaedah Fuzzy Delphi, kajian ini membangunkan satu mekanisme sistematik untuk mengenal pasti dan memprioritikan elemen pembangunan sosial berdasarkan konsensus pakar, sesuatu yang masih kurang diterokai dalam penyelidikan tempatan. Dapatan kajian mengesahkan bahawa pendekatan holistik yang mengintegrasikan pembangunan sosial, emosi, dan rohani lebih berkesan dalam proses pemulihan remaja berbanding model tradisional yang semata-mata menekankan aspek disiplin.

Selain itu, kajian ini memperkayakan kerangka konseptual sedia ada dengan menegaskan bahawa integrasi nilai budaya, agama dan sokongan komuniti dalam pembangunan sosial remaja meningkatkan keberkesanan intervensi jangka panjang. Dengan mengemukakan satu set elemen pembangunan sosial berasaskan konsensus pakar, kajian ini bukan sahaja mengisi jurang dalam literatur, malah menawarkan asas yang kukuh untuk pembentukan dasar, amalan pemulihan dan penyelidikan lanjut dalam bidang pembangunan sahsiah remaja delinkuen.

PENGHARGAAN

Penghargaan diberikan kepada Fundamental Research Grant Scheme (FRGS) 2020. No. Geran: FRGS/1/2020/SS10/KUIS/01/1, Universiti Islam Selangor (UIS) yang bertajuk ‘Pembentukan Model

Pembangunan Jati Diri Remaja Delinkuen di Malaysia Menurut Perspektif Islam’.

RUJUKAN

- Abd Majid, M., Abdul Rahman, A. H., Azizan, N. I., Mohd Haridi, N. H., Mohamad, N., Usman, A. H., & Ismail, Z. (2023). Elemen sokongan pelaksanaan program pembangunan jati diri remaja delinkuen di institusi pemulihan akhlak. *E-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi*, 10(2), 1-21.
- Abd Majid, M., Mohd Haridi, N. H., Usman, A. H., Azizan, N. I., Mohamad, N., Ismail, Z., & Abdul Rahman, A. H. (2021). Program pembangunan jati diri remaja delinkuen di pusat pemulihan akhlak negeri Selangor era pandemik covid 19. *Proceeding of 8th International Research Management and Innovation Conference (IRMIC)*, 262-276.
- Abd Majid, M., Usman, A. H., Mohamad, N., Azizan, N. I., Haridi, N. H. M., Ismail, Z., & Rahman, A. H. A. (2025). Beyond misconduct: A new perspective on delinquent adolescents. *Jurnal Ilmiah Peuradeun*, 13(1), 519-546. <https://doi.org/10.26811/peuradeun.v13i1.1001>
- Abdul Manan, K., Md Noor, S., & Omar, B. (2013). Model penilaian Kirkpatrick: Mengkaji pengaruh komunikasi terhadap keberkesanan latihan. *Jurnal Komunikasi, Malaysian Journal of Communication*, 29(2), 31-50.
- Adler, M., & Ziglio, E. (1996). *Gazing into the oracle: The Delphi method and its application to social policy and public health*. Jessica Kingsley Publishers.
- Appalanaidu, S. R. (2024). *Pertimbangan moral sebagai pengantara dalam hubungan antara emosi moral dan identiti moral terhadap tingkah laku prososial pelajar sekolah menengah* [Tesis doktor falsafah tidak diterbitkan]. Universiti Malaya.
- Asalal, N., & Abd Wahab, H. (2019). Ciri-ciri program kerja sosial yang berkesan untuk memenuhi piawaian pendidikan kerja sosial.

- e-BANGI*, 16(4), 1-19. <https://journalarticle.ukm.my/19855/1/33082-102896-1-SM.pdf>
- Bandura, A., & Adams, N. E. (1977). Analysis of self-efficacy theory of behavioral change. *Cognitive Therapy and Research*, 1(4), 287-310. <https://doi.org/10.1007/BF01663995>
- Bank, L., Marlowe, J. H., Reid, J. B., Patterson, G. R., & Weinrott, M. R. (1991). A comparative evaluation of parent-training interventions for families of chronic delinquents. *Journal of Abnormal Child Psychology*, 19, 15-33. <https://doi.org/10.1007/BF00910562>
- Belenko, S., & Logan, T. K. (2003). Delivering more effective treatment to adolescents: Improving the juvenile drug court model. *Journal of Substance Abuse Treatment*, 25(3), 189-211. [https://doi.org/10.1016/S0740-5472\(03\)00123-5](https://doi.org/10.1016/S0740-5472(03)00123-5)
- Bodjanova, S. (2006). Median alpha-levels of a fuzzy number. *Fuzzy Sets and Systems*, 157(7), 879-891. <https://doi.org/10.1016/j.fss.2005.10.015>
- Bouffard, J. A., MacKenzie, D. L., & Hickman, L. J. (2000). Effectiveness of vocational education and employment programmes for adult offenders: A methodology-based analysis of the literature. *Journal of Offender Rehabilitation*, 31(1-2), 1-41. https://doi.org/10.1300/J076v31n01_01
- Burns, B. J., Schoenwald, S. K., Burchard, J. D., Faw, L., & Santos, A. B. (2000). Comprehensive community-based interventions for youth with severe emotional disorders: Multisystemic therapy and the wraparound process. *Journal of Child and Family Studies*, 9, 283-314. <https://doi.org/10.1023/A:1026440406435>
- Chen, C.-T. (2000). Extensions of the TOPSIS for group decision-making under fuzzy environment. *Fuzzy Sets and Systems*, 114(1), 1-9. [https://doi.org/10.1016/S0165-0114\(97\)00377-1](https://doi.org/10.1016/S0165-0114(97)00377-1)
- Chu, H.-C., & Hwang, G.-J. (2008). A Delphi-based approach to developing expert systems with the cooperation of multiple experts. *Expert Systems with Applications*, 34(4), 2826-2840. <https://doi.org/10.1016/j.eswa.2007.05.034>
- Clayton, M. J. (1997). Delphi: A technique to harness expert opinion for critical decision-making tasks in education. *Educational Psychology*, 17(4), 373-386. <https://doi.org/10.1080/0144341970170401>
- De Vries, S. L., Hoeve, M., Assink, M., Stams, G. J. J., & Asscher, J. J. (2015). Practitioner review: Effective ingredients of prevention programmes for youth at risk of persistent juvenile delinquency—recommendations for clinical practice. *Journal of Child Psychology and Psychiatry*, 56(2), 108-121. <https://doi.org/10.1111/jcpp.12320>
- Delbecq, C. J., & Yuster, P. H. (1975). Spin polarization quenching of tunneling recombination luminescence in KCl: AgCl crystals. *Physica Status Solidi (B)*, 68(1), K21-K23. <https://doi.org/10.1002/pssb.2220680152>
- Domitrovich, C. E., Durlak, J. A., Staley, K. C., & Weissberg, R. P. (2017). Social-emotional competence: An essential factor for promoting positive adjustment and reducing risk in school children. *Child Development*, 88(2), 408-416. <https://doi.org/10.1111/cdev.12739>
- Eccles, J., & Gootman, J. A. (Eds.). (2002). *Community programmes to promote youth development*. National Academies Press.
- Farrington, D. P., Gaffney, H., Lösel, F., & Ttofi, M. M. (2017). Systematic reviews of the effectiveness of developmental prevention programmes in reducing delinquency, aggression, and bullying. *Aggression and Violent Behavior*, 33, 91-106. <https://doi.org/10.1016/j.avb.2016.11.003>
- Feld, B. C. (2018). Punishing kids in juvenile and criminal courts. *Crime and Justice*, 47(1), 417-474. <https://doi.org/10.1086/695399>
- Greenwood, P. (2008). Prevention and intervention programmes for juvenile offenders. *The Future of Children*, 18(2), 185-210. <https://doi.org/10.1353/foc.0.0018>
- Hartley, P. (1993). *Interpersonal communication*. Routledge. <https://doi.org/10.22230/jcjc.1994v19n2a815>

- Hasson, F., Keeney, S., & McKenna, H. (2000). Research guidelines for the Delphi survey technique. *Journal of Advanced Nursing*, 32(4), 1008-1015. <https://doi.org/10.1046/j.1365-2648.2000.t01-1-01567.x>
- Hosseini, S., Choukolaei, H. A., Ghasemi, P., Dardaei-beiragh, H., Sherafatianfini, S., & Chobar, A. P. (2022). Evaluating the performance of emergency centres during coronavirus epidemic using multi-criteria decision-making methods (Case study: Sari City). *Discrete Dynamics in Nature and Society*, 2022, Article 6074579. <https://doi.org/10.1155/2022/6074579>
- Huey, S. J., Jr., & Polo, A. J. (2008). Evidence-based psychosocial treatments for ethnic minority youth. *Journal of Clinical Child & Adolescent Psychology*, 37(1), 262-301. <https://doi.org/10.1080/15374410701820174>
- Ibrahim, N., Mansor, N. H., & Yusoff, Y. M. (2020). Bentuk-bentuk pemulihan akhlak bagi pesalah seks di Malaysia: Suatu sorotan literatur. *Jurnal Usuluddin*, 48(2), 1-23. <https://doi.org/10.22452/usuluddin.vol48no2.1>
- Ismail, M. M., Nor, M. S. M., & Adnan, Z. H. (2019). Persepsi golongan belia terhadap ‘Malaysia Baharu’ dalam kerangka pembangunan komuniti di Semenanjung Malaysia. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*, 15(4), 274-287. <https://doi.org/10.17576/geo-2019-1504-20>
- Jamil, M. R. M., & Noh, N. M. (2020). *Kepelbagaian metodologi dalam penyelidikan reka bentuk dan pembangunan*. Qaisar Prestige Resources.
- Kamarudin, N., Ibrahim, F., & Aun, N. S. M. (2020). Faktor-faktor yang mempengaruhi komunikasi interpersonal dalam kalangan mahasiswa kerja sosial di universiti awam di Malaysia. *Jurnal Komunikasi*, 36(2), 52-70. <https://doi.org/10.17576/JKMJC-2020-3602-04>
- Kirman, N. S., Hassan, M. M., Anwar, F. H., Khir, A. M., & Jaafar, W. M. W. (2021). Faktor sosialisasi dalam mempengaruhi tingkah laku individu. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 6(1), 106-118. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i1.640>
- Kurock, R., Gruchel, N., Bonanati, S., & Buhl, H. M. (2022). Family climate and social adaptation of adolescents in community samples: A systematic review. *Adolescent Research Review*, 7, 551-563. <https://doi.org/10.1007/s40894-022-00189-2>
- Lappi-Seppälä, T. (2008). Trust, welfare, and political culture: Explaining differences in national penal policies. *Crime and Justice*, 37, 313-387. <https://doi.org/10.1086/525028>
- Lasswell, H. D. (1948). The structure and function of communication in society. *The Communication of Ideas*, 37(1), 136-139.
- Lefevre, M. (2017). Learning and development journeys towards effective communication with children. *Child & Family Social Work*, 22(1), 86-96. <https://doi.org/10.1111/cfs.12202>
- Lipsey, M. W., Howell, J. C., Kelly, M. R., Chapman, G., & Carver, D. (2010). *Improving the effectiveness of juvenile justice programmes: A new perspective on evidence-based practice*. Center for Juvenile Justice Reform, Georgetown University. <https://cdn.vanderbilt.edu/vu-my/wp-content/uploads/sites/927/2013/05/14105720/JJ-Programmes-Paper.pdf>
- Martinez, D. J., & Abrams, L. S. (2013). Informal social support among returning young offenders: A metasynthesis of the literature. *International journal of offender therapy and comparative criminology*, 57(2), 169-190. <https://doi.org/10.1177/0306624X11428203>
- Mathys, C. (2017). Effective components of interventions in juvenile justice facilities: How to take care of delinquent youths? *Children and Youth Services Review*, 73, 319-327. <https://doi.org/10.1016/j.childyouth.2017.01.007>
- Meeus, W. (2018). The identity status continuum revisited: A comparison of longitudinal findings with Marcia's model and dual cycle models. *European Psychologist*, 23(4), 289-299. <https://doi.org/10.1027/1016-9040/a000339>

- Mohd Jamil, M. R. (2016). *Pembangunan model kurikulum latihan SkiVes bagi program pengajian kejuruteraan pembelajaran berasaskan kerja*. (Doctoral dissertation, University of Malaya).
- Murad, F. A., Kamaluddin, M. R., & Nasir, N. C. M. (2020). Hubungan kesukaran meregulasi emosi dan tingkah laku delinkuen dalam kalangan remaja: Perapatan kepada komuniti sebagai perantara. *Akademika*, 90(2), 3-16. <https://doi.org/10.17576/akad-2020-9002-01>
- Murray, T. J., Pipino, L. L., & Van Gigch, J. P. (1985). A pilot study of fuzzy set modification of Delphi. *Human Systems Management*, 5(1), 76-80. <https://doi.org/10.3233/HSM-1985-5111>
- Murry, J. W., Jr., & Hammons, J. O. (1995). Delphi: A versatile methodology for conducting qualitative research. *The Review of Higher Education*, 18(4), 423-436. <https://doi.org/10.1353/rhe.1995.0008>
- Nasir, N. C. M. (2023). *Jenayah dari perspektif klasik, biososial dan trait personaliti*. UUM Press.
- Noh, N. A., & Zahid, A. Z. M. (2021). Manfaat penglibatan dalam kesukarelawanan terhadap pembangunan kemahiran dan sosial dalam kalangan Mahasiswa Persatuan Kelab Penyayang. *The Malaysian Journal of Social Administration*, 15, 67-84. <https://doi.org/10.22452/1504>
- O'Connor, R. M., & Waddell, S. (2015). What works to prevent gang involvement, youth violence and crime: A rapid review of interventions delivered in the UK and abroad (EIF Report). Early Intervention Foundation. <https://www.eif.org.uk/report/what-works-to-prevent-gang-involvement-youth-violence-and-crime-a-rapid-review-of-interventions-delivered-in-the-uk-and-abroad>
- Petrova, D., Cokely, E. T., Sobkow, A., Traczyk, J., Garrido, D., & Garcia-Retamero, R. (2023). Measuring feelings about choices and risks: The Berlin emotional responses to risk instrument (BERRI). *Risk Analysis*, 43(4), 724-746. <https://doi.org/10.1111/risa.13946>
- Phillips, A. W. H. (2000). *AWH Phillips: collected works in contemporary perspective*. Cambridge University Press.
- Prilleltensky, I., & Nelson, G. (2000). Promoting child and family wellness: Priorities for psychological and social interventions. *Journal of Community & Applied Social Psychology*, 10(2), 85-105. [https://doi.org/10.1002/\(SICI\)1099-1298\(200003/04\)10:2%3C85::AID-CASP538%3E3.0.CO;2-M](https://doi.org/10.1002/(SICI)1099-1298(200003/04)10:2%3C85::AID-CASP538%3E3.0.CO;2-M)
- Rasskazova, E. I., Tkhostov, A. S., Falkovskaia, L. P., Kiseleva, A. L., Kremlev, A. E., & Artamonova, E. G. (2019). Psychological indicators of delinquent behavior in adolescents: The potential of the 'Psychological Risk Factors of Deviant Behavior in Adolescents Inventory' for differentiating between adolescents with delinquent behavior, drug addiction, and controls. *Psychology in Russia*, 12(3), 149-162. <https://doi.org/10.11621/pir.2019.0311>
- Rios, K. (2022). Multiculturalism and colorblindness as threats to the self: A framework for understanding dominant and non-dominant group members' responses to interethnic ideologies. *Personality and Social Psychology Review*, 26(4), 315-341. <https://doi.org/10.1177/10888683221093130>
- Roberts, J. V. (2004). Public opinion and youth justice. *Crime and Justice*, 31, 495-542. <https://doi.org/10.1086/655347>
- Rothchild, S. N. (1996). Beyond incarceration: Juvenile sex offender treatment programmes offer youths a second Chance. *Journal of Law and Policy*, 4(2), Article 10.
- Schaeffer, C. M., Henggeler, S. W., Ford, J. D., Mann, M., Chang, R., & Chapman, J. E. (2014). RCT of a promising vocational/employment program for high-risk juvenile offenders. *Journal of Substance Abuse Treatment*, 46(2), 134-143. <https://doi.org/10.1016/j.jsat.2013.06.012>
- Skulmoski, G. J., Hartman, F. T., & Krahn, J. (2007). The Delphi method for graduate research. *Journal*

- of Information Technology Education: Research*, 6(1), 1-21. <https://doi.org/10.28945/199>
- Stewart, T., & Leps, A. (2017). multilevel shared management for policy design and problem solving. Case of an idle group–released from Estonian prisons. *Journal of the University of Latvia. Law*, 10, 217-247. <https://journal.lu.lv/jull/article/view/172>
- Su, M., Davis, M. H., Peterson, J., Solis-Lemus, C., Satola, S. W., & Read, T. D. (2021). Effect of genetic background on the evolution of Vancomycin-Intermediate Staphylococcus aureus (VISA). *PeerJ*, 9, Article e11764. <https://doi.org/10.7717/peerj.11764>
- Sudi, S., Wazir, R., Mohd Salleh, N., Usman, A. H., Awang, A. H., & Rosman, S. Z. (2021). Membentuk spiritual individu menurut hadis untuk pencegahan dadah. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 6(1), 640-650. <https://doi.org/10.53840/alirsyad.v6i1.134>
- Thorpe, D. H., Smith, D., Green, C. J., & Paley, J. H. (2024). *Out of care: The community support of juvenile offenders*. Taylor & Francis.
- Tunggak, B., Ngadi, S., & Naim, H. A. (2015). Delinkuen pelajar dan cadangan penyelesaiannya menerusi model pembangunan sahsiah remaja/ pelajar muslim bersepadu. *Jurnal Hadhari*, 7(2), 11-30.
- Ulwan, A. N. (2011). *Tarbiyah al-Awlad fi al-Islam* [Pendidikan Anak-Anak dalam Islam]. Dār al-Salām.
- Umaruddin, M. (2003). *The ethical philosophy of al-Ghazali*. Adam Publishers.
- Wan Ismail, W. A. F., Mutalib, A. S., Nik Saleh, N. S. S., Baharuddin, A. S., Mamat, Z., Husin, S. N. M. S., Alias, M. A. A., & Kahar, N. S. A. (2022). Permasalahan keruntuhan akhlak dalam kalangan remaja Muslim di Malaysia: Isu, cabaran dan cadangan penyelesaian. *Al-Qanadir: International Journal of Islamic Studies*, 26(2), 47-61.
- Weiss, B., Han, S., Harris, V., Catron, T., Ngo, V. K., Caron, A., Gallop, R., & Guth, C. (2013). An independent randomized clinical trial of multisystemic therapy with non-court-referred adolescents with serious conduct problems. *Journal of Consulting and Clinical Psychology*, 81(6), 1027-1039. <https://doi.org/10.1037/a0033928>
- Whittaker, J. K., & Pecora, P. J. (1981). The social “R & D” paradigm in child and youth services: Building knowledge convivially. *Children and Youth Services Review*, 3(4), 305-317. [https://doi.org/10.1016/0190-7409\(81\)90015-3](https://doi.org/10.1016/0190-7409(81)90015-3)
- Willis, H. A., & Neblett, E. W. (2020). Racial identity and changes in psychological distress using the multidimensional model of racial identity. *Cultural Diversity and Ethnic Minority Psychology*, 26(4), 509-519. <https://doi.org/10.1037/cdp0000314>
- Yacob, Y., Assim, M. I. S. A., & Jusoh, N. H. M. (2020). Level of social cohesion of Malaysian youths as a community of practice in a youth development program. *e-BANGI*, 17(8), 69-83.
- Zadeh, L. A. (1996). *Fuzzy sets, fuzzy logic, and fuzzy systems* (Vol. 6; G. J. Klir & B. Yuan, Eds.). World Scientific.
- Zhao, Y. (2020, December). Reasons for the necessity of revising laws on preventing of juvenile delinquency based on the application multiple streams model. In *2020 3rd International Conference on Humanities Education and Social Sciences (ICHESS 2020)* (pp. 206-214). Atlantis Press. <https://doi.org/10.2991/assehr.k.201214.494>